

## BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]


Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan wabak penyakit.

Huraikan pendapat anda tentang penyakit berjangkit.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**Panduan Menghadapi Wabak Penyakit**

Pembudayaan norma baharu bagi mencegah wabak COVID-19 dan penyakit berjangkit yang lain seperti Influenza A, dan HINI.



- ✓ Memakai pelitup muka dan mencuci tangan menggunakan sabun atau pensanitasi tangan
- ✓ Menggunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin
- ✓ Tidak menghantar anak yang dijangkiti
- ✓ Segera mendapatkan rawatan jika demam, batuk dan sukar bernafas
- ✓ Tinggal di rumah sehingga penyakit sembuh jika diberi cuti sakit
- ✓ Jangan meludah di merata-rata tempat
- ✓ Membersihkan permukaan lantai dan meja yang terkena cecair hidung dan mulut
- ✓ Mengelakkan diri daripada menyentuh anak atau ahli keluarga jika menghidap penyakit berjangkit

Sumber: Buku Teka Bahasa Melayu Tingkatan 5

### Apakah itu vaksin?

Vaksin dapat melindungi manusia daripada penyakit berjangkit yang berbahaya atau yang boleh membawa maut. Tidak seperti ubat biasa yang digunakan untuk merawat penyakit, vaksin digunakan bagi mencegah penyakit.

### Imuniti Kelompok

Melalui program imunisasi yang menyeluruh dalam sesuatu komuniti, penyebaran penyakit berjangkit yang berbahaya dapat dicegah. Imuniti kelompok terjadi apabila sesuatu agen jangkitan gagal memasuki atau disebarkan dalam populasi kerana sebahagian besar daripada anggota masyarakat itu mempunyai imuniti dan terlindung daripada bakteria atau virus yang menjadi penyebab penyakit berjangkit tersebut.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Imunisasi Dapat Cegah Penyakit", oleh Helwa Hassan, Metro Ahad, 5 Mei 2019

Penularan wabak penyakit telah menakutkan seluruh masyarakat dunia. Lebih-lebih lagi jika penyakit itu muncul secara tiba-tiba dan tiada vaksin yang dapat mencegahnya kerana dikategorikan sebagai satu penemuan baharu.

Seperti negara lain, Malaysia juga pernah berdepan dengan beberapa wabak atau serangan virus yang bukan sahaja membimbangkan masyarakat pada ketika itu, malah masih ada yang berpotensi menjadi mangsa jangkitan sehingga kini. Ekoran itu, seluruh tenaga kerja pihak kerajaan perlu bekerja keras menanganinya termasuk kepakaran dan sistem kesihatan negara.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada berita "Trivia: 5 Wabak Ini Pernah Mengancam Nyawa Rakyat Malaysia", oleh Najmi Syahiran Mamat, Astro Awani, 13 Mei 2020

## BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

### 1. DOMAIN AWAM

"Jika lebih banyak PKS beralih kepada perniagaan dalam talian, mereka akan boleh meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada 2019, PKS menyumbang 38.9 peratus KDNK dan 66 peratus pekerjaan dalam negara," katanya.

Beliau berkata, pertumbuhan perniagaan dalam talian tahun ini dijangka meningkatkan pertumbuhan KDNK, yang akan memastikan ekonomi Malaysia berada di landasan yang betul untuk berkembang sebanyak 6.5 peratus hingga 7.5 peratus seperti yang disasarkan di bawah Belanjawan 2021.

"Ramai peniaga menjalankan perniagaan menerusi dalam talian bagi meningkatkan hasil jualan masing-masing dan meningkatkan pertumbuhan perniagaan. Walaupun platform digital telah memberi aliran pendapatan kepada peniaga, ia juga membantu syarikat perkapalan dan penghantaran untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan," katanya.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada  
<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/664332/perniagaan-dalam-talian-tumbuh-pesat>

### SOALAN

Perniagaan internet merupakan perniagaan yang dilakukan secara atas talian yang menggunakan internet sebagai medium perantaraan antara penjual dan juga pembeli. Perniagaan internet juga adalah sama dengan perniagaan offline lain iaitu tetap memerlukan tapak perniagaan, modal, barangan perniagaan, dan juga promosi untuk barang. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana tentang faedah-faedah perniagaan dalam talian.

Tulis rencana itu selengkapnya.

## 2. DOMAIN PERIBADI

Hikmah di sebalik penutupan pintu sempadan negara kerana pandemik Covid-19 ialah sektor pelancongan domestik mendapat tempas yang positif.

Orang ramai yang tidak dapat melancong ke luar negara memilih destinasi pelancongan dalam negara untuk bercuti bersama keluarga.

Trend yang berlaku ketika ini adalah sesuatu yang baik kepada ekonomi setempat. Wang rakyat Malaysia dibelanjakan dalam negara dan memberi manfaat kepada rakyat tempatan.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/101947/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Perkasakan-pelancongan-domestik>

### SOALAN

Sektor pelancongan telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara Malaysia. Pertambahan bilangan pelancong domestik atau pelancong tempatan ini telah dipacu oleh beberapa faktor penggalak yang ada di dalam negara kita.

Bincangkan faktor-faktor yang menggalakkan aktiviti pelancongan domestik mengalami perkembangan positif.

## 3. DOMAIN PENDIDIKAN

Dengan angka kes jangkitan Covid-19 yang masih tiada tanda penurunan yang signifikan selain sekatan pergerakan penuh yang berkuat kuasa 1 Jun lalu, saya sememangnya menjangkakan sesi persekolahan secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan dan PdPR akan terus bersambung.

Menurut laporan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), sejumlah 203 juta pelajar di seluruh dunia terkesan dengan penutupan sekolah berikutan pandemik Covid-19.

Sumber: Internet

### SOALAN

Isu yang sering dibangkitkan berkaitan Pdpr ialah isu kehadiran atau pelibatan murid yang berada pada tahap kurang memuaskan.

Pada pendapat anda, jelaskan usaha-usaha yang boleh diambil oleh semua pihak untuk menggalakkan murid terlibat secara langsung dalam Pdpr.

#### 4. DOMAIN KERJAYA

Pada era ini, muncul bidang pekerjaan yang digelar sebagai kerjaya "kolar baharu". Bidang pekerjaan ini mencetuskan impak dalam pasaran pekerjaan sekarang. Seseorang pekerja "kolar baharu" ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan insaniah. Golongan ini bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada "Kerjaya 'Kolar Baharu" Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

#### SOALAN

Berdasarkan perkembangan pesat ekonomi di negara kita, peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang lebih terbuka luas. Setiap individu boleh memilih kerjaya pilihan mereka atau mencipta kerjaya mereka sendiri.. Oleh itu, golongan remaja hari ini perlu mengetahui faktor-faktor pemilihan kerjaya yang baik untuk mereka dan mampu menjamin masa hadapan yang cerah. Sebagai seorang ahli Kelab Kerjaya, anda ingin menyampaikan ceramah kepada rakan-rakan anda tentang kerjaya yang boleh menjamin masa hadapan sempena Minggu Kerjaya.

Tulis **ceramah** itu selengkapnya.